

BANK ISLAM PERKASA BOT NELAYAN DENGAN TEKNOLOGI SOLAR PV

Memacu kemampanan ekonomi marin serta penggunaan tenaga bersih dalam komuniti pesisir pantai

MERSING, JOHOR, Selasa, [21 April 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) terus memperkukuh komitmen kelestarian dan keterangkuman kewangannya melalui peluasan projek Smart Eco-PV Boat yang melibatkan penyerahan bot nelayan berkuasa solar kepada komuniti nelayan pesisir pantai di Penyabong, Mersing, Johor. Projek ini dilaksanakan oleh Sadaqa House, cabang kewangan sosial Bank Islam yang memenangi anugerah, dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta sokongan Lembaga Tabung Haji.

Direka berdasarkan kerangka Pulangan Pelaburan Sosial (SROI), projek Smart Eco PV Boat di Penyabong menyokong 25 nelayan dari kawasan penempatan semula nelayan tempatan dengan nilai keseluruhan projek hampir RM150,000. Menerusi usaha ini, setiap nelayan dijangka menjimatkan kira-kira RM150 sebulan kos diesel, sekali gus mengurangkan perbelanjaan operasi serta memperkukuh kestabilan pendapatan. Projek ini memberikan impak yang nyata dan boleh diukur termasuk pengurangan kebergantungan kepada bahan api, penurunan tahap pelepasan karbon, peningkatan kecekapan operasi serta penggunaan tenaga yang lebih selamat dan mampan bagi menyokong pemuliharaan laut.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz berkata, inisiatif ini mencerminkan keyakinan Bank bahawa kelestarian perlu diterjemahkan kepada manfaat yang boleh diukur dan dirasai oleh komuniti.

“Dengan mengintegrasikan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui ke dalam operasi harian nelayan, kami dapat mengurangkan kos, memperkukuh sumber pendapatan serta mengurangkan kesan terhadap alam sekitar. Lebih penting lagi, inisiatif ini membuktikan bahawa kewangan sosial Islam boleh digerakkan untuk menghasilkan impak praktikal, berskala dan bermaruah untuk komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan. Pelancaran hari ini adalah susulan projek perintis Bank Islam yang diperkenalkan pada tahun 2024 di Perkampungan Sungai Muka Dua, Mersing, Johor, yang mana sistem solar fotovoltan (PV) telah dipasang pada 21 buah bot B40 dan kurang mendapat akses perbankan, dengan jumlah nilai projek melebihi RM100,000.”

Beliau menambah bahawa projek perintis itu merupakan satu pencapaian penting kerana ia menandakan pelaksanaan pertama sistem solar PV yang dikhususkan untuk bot nelayan, berbanding penggunaan kediaman, serta diaplikasikan secara langsung ke dalam aktiviti penjanaan pendapatan yang produktif oleh Bank Islam. Disokong oleh kerjasama strategik bersama UTM, pendekatan ini membolehkan Bank menggabungkan pendanaan dengan kepakaran teknikal serta pembangunan kapasiti bagi menghasilkan impak dunia sebenar berskala yang dapat mempercepatkan peralihan tenaga Malaysia dan pembangunan sosioekonomi yang inklusif.

Selaras dengan objektif pembangunan inklusifnya, projek ini turut merangkumi inisiatif pemerksaan perusahaan mikro, di samping penambahbaikan kepada infrastruktur perkongsian kerja. Penambahbaikan ini merangkumi pemasangan bumbung sengkup (*awning*) di bangunan stor jeti lama, sekali gus mewujudkan ruang berbumbung yang lebih selamat dan cekap untuk penyimpanan, pengurusan serta pembaikan sangkar ikan. Kemudahan yang dinaik taraf ini juga memberi manfaat kepada 105 ahli Persatuan Nelayan Penyabong.

Projek ini telah dilancarkan secara rasmi dalam satu majlis yang dihadiri oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan dan Ketua Pegawai Kelestarian Kumpulan Bank Islam, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff; Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTM, Profesor Dr Jafri Din serta pegawai-pegawai daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Sebelum majlis pelancaran, para peserta menghadiri beberapa sesi perkongsian ilmu termasuk taklimat mengenai kecekapan tenaga dan penjimatan kos yang dicapai menerusi penggunaan teknologi solar PV. Program ini juga melibatkan sesi kuiz interaktif yang menarik perhatian penerima manfaat projek serta pelajar sekolah tempatan, sekali gus memperkukuh kesedaran praktikal mengenai penyelesaian tenaga boleh diperbaharui di peringkat komuniti.

Selain manfaat langsung kepada masyarakat setempat, projek ini berperanan sebagai platform praktikal bagi pemindahan ilmu dan pembelajaran secara guna tangan (*hands-on*) untuk UTM serta rakan institusinya yang turut merangkumi kolej-kolej komuniti, institut latihan perindustrian dan politeknik di sekitar Johor.

Kerjasama Sadaqa House dengan UTM yang bermula pada tahun 2018 telah menghasilkan impak bermakna kepada komuniti melalui kejayaan pemasangan dan penyelenggaraan sistem tenaga solar di empat komuniti Orang Asli dari tahun 2019 hingga 2023 serta sebuah perkampungan nelayan pada tahun 2021. Usaha ini bertujuan memastikan impak jangka panjang dan bekalan berterusan penyelesaian tenaga bersih.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 130 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.